

Teriakan 'Hidup Mahathir' akhiri perhimpunan UMNO

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Perhimpunan Agung UMNO ke-37 yang berlangsung di sini sejak tiga hari lalu berakhir petang ini dengan teriakan 'Hidup Mahathir' sebanyak empat kali yang di-laungkan oleh segolongan ahli UMNO yang membayangkan sokongan padu mereka terhadap presiden parti.

Kali pertama teriakan tersebut sebanyak dua kali kedengaran ialah semasa Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa beliau tidak akan membuat sesuatu yang dikatakan oleh wakil Melaka, Datuk Aziz Tapa, sebaliknya akan hanya membuat apa yang beliau sendiri katakan.

Kali kedua teriakan itu ialah sebaik sahaja Perdana Menteri mengakhiri ucapan menggulung perbincangan sepanjang persidangan tiga hari itu.

Perhimpunan berakhir

tepat pukul 6.45 petang apabila Pengerusi Biro Agama UMNO, Datuk Sri Amar Wan Mokhtar Ahmad menyampaikan doa selamat diikuti dengan nyanyian Negaraku oleh sekalian hadirin yang berada dalam Dewan Merdeka termasuk presiden parti dan timbalannya serta ahli-ahli Majlis Tertinggi yang lain.

Para ahli UMNO yang membanjiri Dewan Merdeka sejak awal sesi petang dimulakan lagi dengan harapan Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Musa akan menjelaskan tentang krisis mereka, hampa kerana harapan mereka itu tidak menjadi kenyataan.

Kedua-dua orang pemimpin utama itu tidak membuat sebarang penjelasan seperti yang diminta oleh perwakilan Negeri Johor kerana mahu menjaga perpaduan yang sedia wu-

jud.

Perwakilan dan pemerhati membanjiri Dewan Merdeka dan kira-kira 1,000 orang ahli lain di ruang-ruang di luarnya mengikuti siaran langsung melalui TV litar tertutup setelah akhbar-akhbar tempatan melaporkan kedua-dua pemimpin itu akan menjelaskan krisis mereka petang ini.

Terdahulu dari itu, semua perwakilan dan ahli-ahli yang menyertai pengumpulan telah diberikan tempoh yang lebih lama daripada yang ditetapkan iaitu kira-kira 15 minit.

Malah, pengerusi persidangan, Datuk Shuib Ahmad meneruskan persidangan sesi sebelah petang tanpa berhenti rehat untuk minum seperti yang dijadualkan kerana para perwakilan bersetuju ia diteruskan bagi membolehkan lebih banyak penjelasan dibuat ketika menggulung.